

Submission date: 08 /12/2016

Accepted date: 23/03/2017

**KAJIAN MODEN AGAMA DI BARAT:  
SATU TINJAUAN HISTORIOGRAFI***Modern Study of Religion in the West: A Historiographical Review*Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali<sup>a1</sup>, Jaffary Awang<sup>b2</sup> & Muhammad Yamin  
Azrai Cheng<sup>3</sup><sup>a</sup>Universiti Sains Islam Malaysia<sup>b</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

wmfazrul@usim.edu.my

**Abstrak**

Historiografi atau pensejarahan adalah penting untuk menggariskan beberapa alamat dan isyarat perubahan tentang sesuatu kronologi. Dalam penelitian historiografi ilmu kajian agama (*religious study*) di Barat, kelahiran kajian moden agama adalah natijah daripada sebuah proses yang rumit dalam perkembangan (*evolution*) sebuah disiplin ilmu. Kajian moden agama ini memaparkan satu corak kajian agama yang nyata bertentangan dengan corak-corak dalam era sebelumnya. Melalui kaedah analisis teks dan kajian perbandingan kepada beberapa teks terpilih berkenaan ilmu kajian agama di Barat, artikel ini telah mengesan ciri khusus kajian moden agama. Pembentangan historiografi ini dilakukan melalui tinjauan kepada lima fasa utama perkembangan sejarah masyarakat Barat iaitu zaman purba (*antiquity*), era pertengahan (*medieval period*), era reformasi (*reformation*), zaman pencerahan (*enlightenment period*) dan zaman moden (*modern period*). Ciri utama kajian moden agama ini adalah bergantung secara mutlak kepada akal rasional dalam memahami kajian agama. Ciri ini perlu ditimbang dengan teliti oleh para pengkaji agama dalam kalangan Muslim untuk mengelakkan daripada terhegemoni dengan corak yang didasarkan oleh bagasi sejarah (*historical baggage*) masyarakat Barat. Perbezaan faham dan penghayatan ilmu kajian agama yang telah dilalui oleh masyarakat Barat adalah unik untuk mereka. Ciri khusus ini tidak keseluruhannya wajar diteladani dan diikuti oleh inteligensia Muslim dalam ilmu kajian agama kerana wahyu mengajarkan integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

Kata kunci: historiografi, kajian, moden, agama, Barat.

<sup>1</sup> Pensyarah di Program Pengajian Akidah dan Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

<sup>2</sup> Profesor Madya dan Ketua Jabatan di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

<sup>3</sup> Beliau adalah mantan Penolong Profesor di Jabatan Usul al-Din dan Perbandingan Agama, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

### Abstract

Historiography is important in tracing marks and signs of change in any chronology. In a historiographical study on the Western study of religion, it is found that the birth of the modern study of religion is resulted from a complex evolution of a discipline of knowledge. The modern study of religion depicts a pattern of religious study, which stands differently from its previous antecedents. This article traces the specific character of the modern study of religion through the use of textual analysis and comparative study methods on selected texts of Western religious study. Historiographical presentation is made from reviewing the five main phases of historical development in the Western community, namely: periods of antiquity, medieval, reformation, enlightenment and modern. The specific character of the modern study of religion is the absolute dependency on the use of logic in making sense of any religious study. This specific character is supposed to be considered wisely by any Muslim researchers of religious study to avoid from being trapped in a hegemony of blindly imitating the historical baggage of the West. Different understanding and experience in the Western model of religious study is absolutely unique to the Western community. This specific character is not supposed to be absolutely learned and followed by the Muslim intelligentsia in the study of religion due to the guide from the Revelation on the integration of both sciences, *Naqlī* (revelation) and *ʿAqlī* (logic).

Keywords: historiography, study, modern, religion, West.

### PENDAHULUAN

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ (سورة يوسف 12: الآية 111)

Maksudnya: Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka (para nabi) itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al-Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.

Melalui aplikasi kaedah *al-ʿIbrah bi ʿUmūm al-Lafz Lā bi Khuṣūṣ al-Sabab* (pengajaran diambil daripada keumuman lafaz, bukannya daripada kekhususan sebab) kepada ayat Allah sebelum ini,<sup>4</sup> Islam menganjurkan umat Islam untuk memetik nilai kebaikan dan mengambil pengajaran daripada kesalahan lampau umat yang terdahulu dalam pelbagai perkara. Tidak sekadar itu sahaja, Islam juga menggalakkan sejarah dipelajari kerana setiap kejadian yang berlaku di sekeliling manusia adalah ketentuan daripada Allah SWT, Tuhan yang Maha Adil dan Maha Bijaksana dalam mentadbir urusan ciptaan-Nya. Dalam *Mafāṭih al-Ghayb*, Fakhr al-Dīn al-Rāzīyy (543-606H) menyebutkan cara mengambil iktibar daripada sesuatu sejarah seperti berikut, ujarinya:

<sup>4</sup> Al-Suyūṭīyy, Jalāl al-Dīn. 2008. *al-Itqān Fī ʿUlūm al-Qurʿān*. Damsyik: Muʿassasah al-Risālah. Hal. 73-75.

اعلم أن الاعتبار عبارة عن العبور من الطرف المعلوم إلى الطرف المجهول، والمراد منه التأمل والتفكير

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa mengambil iktibar adalah ibarat melintasi sesuatu iaitu daripada keadaan sesuatu yang jelas diketahui kepada sesuatu yang tidak diketahui. Maka iktibar memerlukan pemikiran dan rasional yang mendalam.”<sup>5</sup>

Artikel ini memfokuskan berkenaan sejarah kajian agama di Barat sehingga teratijahnya kajian moden agama seperti yang dapat disaksikan dalam dunia akademik hari ini. Historiografi berkenaan mauduk ini amat penting untuk meneliti beberapa ciri-ciri yang ditonjolkan oleh kajian moden agama Barat dalam akademia mutakhir. Kajian agama (*religious studies*) yang ditanggapi dalam dunia Islam dan dunia Barat perlu difahami sebagai sesuatu yang berbeza kerana beberapa faktor. Faktor-faktor inilah yang akan dihuraikan dalam artikel ini dan diikuti dengan penelitian secara kronologi kepada kajian agama di Barat.

Namun begitu, artikel ini hanya melakukan tinjauan secara selektif kepada beberapa karya utama kajian agama di Barat. Artikel ini sebenarnya adalah permulaan awal kepada usaha untuk menyingkap hasil kerja para sarjana Barat tentang agama dan metodologi mereka seperti yang telah terkristalisasi dalam karya-karya utama tokoh-tokoh besar dalam ilmu kajian moden agama (*religionswissenschaft* atau *scientific study of religion*) di Barat. Mungkin bagi sesetengah ahli akademik, tidak ada bezanya antara falsafah, metodologi dan hasil kerja antara para sarjana Barat dan para sarjana Islam tentang kajian agama. Oleh itu, perbezaan konsep dan metodologi kajian moden agama antara sarjana Barat dan sarjana Islam akan disingkap dalam artikel ini melalui kaedah historiografi.

### KONSEP KAJIAN MODEN AGAMA

Adalah sifat semula jadi bagi satu-satu bidang ilmu itu bertumbuh dan berkembang daripada semasa ke semasa. Dengan ‘sentuhan’ pelbagai ahli fikir dan pakar dalam pelbagai bidang, kajian agama telah berkembang dalam bentuknya yang baru, bersama-sama dengan perubahan pada motif, materi dan metodenya.<sup>6</sup> Jelasnya, terlalu banyak faktor yang menatijahkan perkembangan ini dan terlalu banyak elemen serta aspek yang terlibat untuk memberikan kelahiran kajian agama dalam bentuk yang baru ini.

Secara ringkas, agama dilihat bukannya wujud secara vakum, tersimpan dalam kotak ‘Pandora’ (*Pandora box*)<sup>7</sup> tanpa terkait dengan pelbagai aspek

<sup>5</sup> Al-Rāzīyy, Fakhr al-Dīn. 2001. *al-Tafsīr al-Kabīr*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabīyy. Jilid. 6. Hal. 522.

<sup>6</sup> Sharpe, Eric J. 2005. *The Study of Religion in Historical Perspective*. Dalam Hinnells, John R. (ed.). *The Routledge Companion to the Study of Religion*. Oxon: Routledge. Hal. 21-26.

<sup>7</sup> Pandora adalah wanita pertama menurut mitos Greek. Kotak Pandora (*Pandora box*) adalah sebuah bekas yang mengandungi semangat-semangat (*daimones*). Dalam mitos Greek, diceritakan bahawa Pandora telah dilarang untuk membuka kotaknya. Namun, setelah membuka kotaknya, Pandora telah membebaskan semangat-semangat yang jahat di dunia.

sekitarnya seperti: manusia, alam semula jadi, masyarakat, ekonomi, politik, kemajuan teknologi dan banyak lagi.<sup>8</sup> Kajian agama juga telah berubah dan sedang berubah akibat daripada keterikatan yang kuat dengan aspek-aspek seperti yang telah disebutkan tadi, di mana aspek-aspek ini menjadi pemangkin dan pencetus kepada kajian agama yang baru. Melihatkan historiografi kajian agama di Barat, bolehlah disimpulkan bahawa pengalaman khusus ini, yakni dinamisme dalam reka bentuk kajian agama, adalah secara uniknya dimiliki oleh masyarakat Barat. Untuk memahami metamorfosis yang berlaku ini, maka adalah sewajarnya untuk seseorang itu merungkai serta meninjau literatur-literatur utama berkaitan dengan kajian agama ini secara kronologi menerusi telahan historiografi.

Contohnya, pada zaman antikuiti, iaitu ketika zaman masyarakat Yunani menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan, masyarakatnya sangat menguduskan tuhan dan menjadi budaya rasmi mereka untuk mengabdikan diri kepada tuhan. Jan De Vries<sup>9</sup> (1890-1964) menggambarkan keadaan ini seperti berikut, “*it was a duty for every member of the community, for if he did not participate, he placed himself outside the social order.*”<sup>10</sup> Berikutan daripada itu, apabila munculnya beberapa pemuka Greek yang nada pemikiran mereka bernuansakan anti-tuhan, mereka telah menerima akibat yang sangat buruk. Dalam kes Protagoras<sup>11</sup> (485-411 SM), beliau pernah mengungkapkan:

“I do not know anything of the gods, whether they exist or whether they do not exist, or what their nature is. There is much that stands in the way of knowing these things, especially the uncertainty and brevity of human life.” It is really not astonishing that he had to leave Athens hurriedly because of a lawsuit for asebeia [“ateisme” dan “songsang” dalam konflik dengan undang-undang dan budaya semasa].<sup>12</sup>

Begitu jugalah halnya dalam Zaman Pertengahan (Zaman Kegelapan), di mana kajian agama hanya dikenali daripada kaca mata agama dan untuk tujuan agama sahaja. Malah, pada zaman inilah berlakunya ‘peperangan’ yang sengit antara agama dan sains, meliputi beberapa episod konflik antara: Galileo

---

Hanya semangat ‘harapan’ sahaja yang masih tersimpan dalam kotaknya. Lihat: Roman, Luke dan Roman, Monica. 2010. *Encyclopedia of Greek and Roman Mythology*. New York: Facts on File Inc. Hal. 385.

<sup>8</sup> Ibrāhīm Muhammad Ibrāhīm. 1984. *al-Adyān al-Waḍʿiyyah Fī Maṣādirihā al-Muqaddasah Wa Mawqif al-Islām Minhā*. Shubrā: Maṭbaʿah al-Amānah. 26-50; al-Sāmūk, Saʿdūn Maḥmūd. 2006. *al-Muʿtaqadāt Wa al-Adyān Wifqa Manhaj al-Qurʿān*. Amman: Dār Wāʾil li al-Nashr. 7-9 dan Hinnels, John R. 2005. “Introduction.” *Routledge Companion to the Study of Religion*. Hinnels, John R. (Ed.). London and New York: Routledge. Hal. 1.

<sup>9</sup> Beliau adalah seorang sarjana Belanda dalam bidang linguistik dan mitologi Jerman. De Vries pernah berkhidmat di Universiti Leiden dan telah menghasilkan pelbagai karya berkenaan kajian linguistik, sejarah, budaya dan agama.

<sup>10</sup> Jan De Vries. 1967. *The Study of Religion: A Historical Approach*. New York, Chicago, San Francisco and Atlanta: Harcourt, Brace & World, Inc. Hal. 7.

<sup>11</sup> Merupakan salah seorang ahli falsafah Greek daripada kumpulan sofis (*sophist*). Beliau terkenal dengan ideanya yang humanis atau *homo mensura*, yakni manusia adalah ukuran segala sesuatu (*man is the measure of all things*). Lihat: Adam, James. 1908. *The Religious Teachers of Greece*. Aberdeen: University of Aberdeen. 273-278.

<sup>12</sup> Jan De Vries. Hal. 6-7.

Galilei<sup>13</sup> (1564-1642) dan pihak Gereja, dogmatisme lawan empirisme, khurafat lawan rasionalisme, evolusionisme lawan penciptaan (*creationism*) dan lain-lain lagi. Pada zaman ini jugalah telah diinstitusikan mahkamah penyiasatan (*inquisition*), yang menghukum para ahli sihir termasuklah kepada beberapa idea saintifik yang didapati bercanggah dengan ketetapan gereja. Penemu idea baru atau saintifik yang gagal dalam perbicaraan mereka akan dituduh sebagai penentang agama tuhan di bumi dan akibatnya dihukum bunuh dengan pelbagai cara seperti digantung sampai mati, dibakar hidup-hidup, dipenggal leher dan banyak lagi.<sup>14</sup>

Perubahan demi perubahan yang berlaku dalam era Renaisans, Reformasi dan Pencerahan, telah memberikan nafas baru bukan sahaja kepada bidang sains, malah kepada kajian agama untuk diresapi dengan semangat saintifik yang sama. Tidak hairanlah sekiranya dalam zaman selepas kurun ke 20 ini, kajian agama terus bermetamorfosis dan meninggalkan ciri tradisionalnya. Dalam ulasan William Cecil Dampier<sup>15</sup> (1867-1952):

In spite of ignorance, folly and passion, the scientific method has won field after field since the days of Galileo. From mechanics it passed to physics, from physics to biology, from biology to psychology, where it is slowly adapting itself to unfamiliar ground. There seems no limit to research, for, as has been well and truly said, the more the sphere of knowledge grows, the larger becomes the surface of contact with the unknown.<sup>16</sup>

Ringkasnya, menerusi sejarah panjang perkembangan ilmu di Barat, kajian moden agama telah menempatkan kedudukannya secara kukuh dalam akademia hari ini. Dalam istilah Francis Bacon<sup>17</sup> (1561-1626), melalui *novum organum* (instrumen baru) ini terlalu banyak penemuan yang perlu didedahkan. Sebagai satu rupa bentuk yang agak janggal bagi masyarakat bukan Barat, kajian moden agama mungkin membingungkan dan agak menjengkelkan.

Kajian moden agama di Barat telah bermula sebagai satu fenomena intelektual pada zaman Pencerahan (*Enlightenment*) iaitu pada kurun ke 17 Masihi dan berlarutan sehinggalah ke kurun 21 ini. Meskipun terdapat perselisihan

---

<sup>13</sup> Beliau adalah ahli fizik, matematik, kejuruteraan, falsafah dan astronomi daripada Itali. Beliau terkenal dengan hujah-hujah beliau yang mempertahankan doktrin Copernicus iaitu bumi mengelilingi matahari (*heliocentrism*) berbanding doktrin Vatican iaitu bumi menjadi pusat alam semesta (*geocentrism*). Lihat: Cropper, William H. 2001. *Great Physicists*. Oxford: Oxford University Press. Hal. 3-17.

<sup>14</sup> Lihat: Turberville, A. S. 1920. *Medieval Heresy and the Inquisition*. London: Crosby Lockwood and Son.

<sup>15</sup> Beliau merupakan ahli sains Inggeris dan juga pengkaji sejarah sains yang terkenal di Cambridge University.

<sup>16</sup> William Cecil Dampier. 1989. *A History of Science and its Relations with Philosophy and Religion*. New York: Cambridge University Press. Hal. 500.

<sup>17</sup> Beliau merupakan ahli falsafah, matematik dan saintis Inggeris yang terkemuka pada zaman revolusi saintifik. Beliau telah mengagaskan Metode Bacon (*Baconian Method*) yang berasaskan skeptisisme sebagai kaedah utama dalam sains untuk membuktikan sama ada satu-satu dakwaan itu sah dari sudut sains. Jardine, Lisa. 2000. Introduction. Dalam Bacon, Francis. *The New Organon*. Cambridge: Cambridge University Press. Hal. vii-xxviii.

pendapat berkenaan permulaan zaman moden di Barat, akan tetapi dari sudut intelektual, zaman Pencerahan telah dipersetujui sebagai pemberi titik tolak kepada permulaan zaman moden di Barat. Ini diperjelaskan lagi dengan tiga tahapan awal yang berlaku di Barat sebelum Zaman Pencerahan iaitu Pembaharuan (*Renaissance*), Reformasi (*Reformation*) dan Revolusi Sainifik (*Scientific Revolution*). Dengan kemunculan Zaman Pencerahan, orientasi intelektual yang lama iaitu yang patuh kepada wahyu dan mengharmonikan hubungan antara wahyu dan akal telah pun berubah kepada sesuatu yang berbeza dan zaman inilah yang dikenali sebagai Zaman Moden.<sup>18</sup>

Menerusi analisis dalam artikel ini, orientasi intelektual moden kelihatannya memahkotakan akal rasional atau *ratiō*<sup>19</sup> sebagai penentu kepada kebenaran sesuatu perkara, serta tujuan segala maujud (atau penciptaan) seluruhnya. Dalam tradisi Islam, perbincangan mengenai penggunaan akal rasional untuk memahami agama telah dihuraikan oleh majoriti ulama kalam, contohnya dalam mukadimah ilmu kalam seperti *Matan al-Nasafiyyah*, *al-Sanūsīyyah* dan *Jawharah al-Tawhīd*.<sup>20</sup> Menurut Ibn Khaldun (732-808H / 1332-1406M), akal dalam konteks ini terbahagi kepada tiga bentuk yang utama iaitu akal *tamyīzī* (perbandingan), akal spekulatif (rasionalisme) dan akal empirikal (empirisisme atau *tajrībiyyah*).<sup>21</sup> Akal *tamyīzī* berfungsi untuk membezakan antara dua atau lebih objek taakulan dalam menentukan perbezaan dan persamaan yang mungkin wujud seperti dalam ilmu logik dan falsafah. Akal spekulatif atau *al-ʿaql al-nazarī* pula berfungsi apabila adanya taakulan logika dan selalunya digunakan dalam pelbagai bidang ilmu. Manakala empirisisme pula bermaksud apabila adanya analisa fakta melalui pengalaman untuk kajian bersifat eksperimental atau berkisarkan pengalaman kemanusiaan.<sup>22</sup>

Ramai sarjana Barat telah menghuraikan berkenaan perkembangan kajian moden agama dalam periode pasca Zaman Pencerahan ini. Sebagai contoh, tinjauan selektif untuk artikel ini telah mengambil kira pandangan daripada sepuluh sarjana kajian agama yang hidup dalam ruang dan masa yang berbeza seperti berikut:

---

<sup>18</sup> Black, C. E. 1966. *The Dynamics of Modernization: A Study in Comparative History*. New York: Harper & Row, Publishers. Hal. 5-6; Toynbee, A.J. 1987. *A Study of History: An Abridgement of Volume I-VI by D.C. Somervell*. New York: Oxford University Press; dan Sullivan, Richard Eugene; Sherman, Dennis and Sullivan, John B. 1994. *A Short History of Western Civilization*. USA: McGraw Hill, Inc. Hal. 339.

<sup>19</sup> According to the *American Heritage Dictionary of English Language* (1992), the word 'rational' meaning 'having or exercising the ability to reason,' derived from the Latin word *ratiōnālis*, from *ratiō*, *ratiōn*. Refer: Soukhanov, Anna H. et al. (eds.) 1992. *The American Heritage Dictionary of the English Language, Third Edition*. Boston: Houghton Mifflin. Hal. 5990.

<sup>20</sup> Al-Sanūsīyy, Muḥammad Yūsuf dan al-Laḡānīyy, Ibrahim. 1934. *Matan al-Sanūsīyyah Wa Yalīhi Jawharah al-Tawhīd*. Kaherah: Maṭbaʿah Muṣṭafā al-Bābīyy al-Ḥalabīyy Wa Awlādūhu; dan Muassasah Āl al-Bayt al-Malikīyyah Li al-Fikr al-Islāmiyy. 2013. *Thamāniyah Mutūn Fi al-ʿAqīdah Wa al-Tawhīd*. Amman: Muassasah Āl al-Bayt al-Malikīyyah Li al-Fikr al-Islāmiyy. Hal. 47-60.

<sup>21</sup> Ibn Khaldun. 2002. *Mukadimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal. 525-526.

<sup>22</sup> Untuk huraian lanjut berkenaan tiga jenis akal ini dan aplikasinya dalam kajian sejarah dan budaya, boleh merujuk kepada sebuah *magnum opus* oleh Muhsin Mahdi iaitu: Muhsin Mahdi. 2006. *Ibn Khaldun's Philosophy of History: A Study in the Philosophic Foundation of the Science of Culture*. Kuala Lumpur: The Other Press. Hal. 171-183.

1. Friedrich Max Muller (1823-1900) melalui syarahan akademiknya: *Introduction to the Science of Religion*,<sup>23</sup>
2. Louis Henry Jordan (1855-1923) dalam *Comparative Religion: Its Genesis and Growth*,<sup>24</sup>
3. Jan De Vries (1890-1964) dalam *The Study of Religion: A Historical Approach*,<sup>25</sup>
4. Joachim Wach (1898-1955) dalam bab pertama *Comparative Study of Religion*,<sup>26</sup>
5. Mircea Eliade (1907-1986) dalam tinjauan mengikut kronologi bagi bidang ini di *The Sacred and The Profane*,<sup>27</sup>
6. Eric J. Sharpe (1933-2000) menerusi *Comparative Religion: A History*,<sup>28</sup>
7. Jacques Waardenburg (1930-2015) dalam pendahulunya untuk *Classical Approaches To the Study of Religion: Aims, Methods and Theories of Research (Introduction and Anthology)*,<sup>29</sup>
8. Hans Gerhard Kippenberg (lahir 1939) dalam *Discovering Religious History in the Modern Age*,<sup>30</sup>
9. Guy G. Stroumsa (lahir 1948) melalui *A New Science: The Discovery of Religion in the age of Reason*<sup>31</sup>
10. William Grassie (lahir 1957) melalui *The New Sciences of Religion: Exploring Spirituality from the Outside in and Bottom Up*.<sup>32</sup>

Terdapat perbezaan pandangan antara konsep moden yang dibahaskan dalam kalangan sejarawan. Secara umumnya, dalam pandangan ilmu sejarah (terutamanya sejarah Barat), moden adalah salah satu era atau tahapan zaman bagi masyarakat Barat daripada tahapan-tahapan yang lainnya seperti zaman batu (*stone age*), zaman logam (*iron age*), zaman antikuiti, zaman pencerahan dan zaman pasca moden (*postmodern era*). Secara spesifiknya pula, para sejarawan masih berselisih pendapat dalam penetapan permulaan zaman moden. Contohnya, Sullivan berpandangan bahawa zaman moden bermula

<sup>23</sup> Muller, Friedrich Max. 1882. *Introduction to the Science of Religion*. Oxford: Longmans, Green and Co. Hal. 3-17 dan Muller, Friedrich Max. 2003. "Chips from the German Workshop: Essays on the Science of Religion and Introduction to the Science of Religion." *Theory and Method in the Study of Religion: a Selection of Critical Readings*. Carl Olson (Ed.). Canada: Nelson Thomson Learning. Hal. 70-78.

<sup>24</sup> Jordan, Louis Henry. 1986. *Comparative Religion: Its Genesis and Growth*. Atlanta: Scholars Press.

<sup>25</sup> Jan De Vries. 1967. *The Study of Religion: A Historical Approach*. New York, Chicago, San Francisco and Atlanta: Harcourt, Brace & World, Inc.

<sup>26</sup> Wach, Joachim. 1984. *Ilmu Perbandingan Agama*. Jakarta: CV. Rajawali. Hal. 3-34.

<sup>27</sup> Eliade, Mircea. 1987. *The Sacred and the Profane: The Nature of Religion*. Florida: Harcourt, Inc. Hal. 215-232.

<sup>28</sup> Sharpe, Eric John. 1986. *Comparative Religion: A History*. Illinois: Open Court.

<sup>29</sup> Waardenburg, Jacques. 1999. *Classical Approaches to the Study of Religion: Aims, Methods and Theories of Research (Introduction and Anthology)*. New York & Berlin: Walter de Gruyter. Hal. 1-82.

<sup>30</sup> Kippenberg, Hans G. 2002. *Discovering Religious History in the Modern Age*. Barbara Harshaw (Terj.). Princeton and Oxford: Princeton University Press.

<sup>31</sup> Stroumsa, Guy G. 2010. *A New Science: The Discovery of Religion in the Age of Reason*. Cambridge and London: Harvard University Press.

<sup>32</sup> Grassie, William. 2010. *The New Sciences of Religion: Exploring Spirituality from the Outside In and Bottom Up*. New York: Palgrave Macmillan.

sebaik sahaja berakhirnya zaman pertengahan iaitu pada akhir kurun ke 15.<sup>33</sup> Namun, C. E. Black<sup>34</sup> pula berpandangan bahawa tarikh permulaan zaman moden secara spesifik adalah pada tarikh yang sama berlakunya kejatuhan Konstantinople [kini dikenali sebagai Istanbul yang telah dimenangi oleh Sultan Muhammad Al-Fatih (1432-1481)] atau penemuan Amerika –pada subuh 29 Mei 1492 atau secara rasminya pada jam 0200, 12 Oktober 1492.<sup>35</sup> Arnold Joseph Toynbee<sup>36</sup> pula berpandangan bahawa zaman moden terletak pada tahapan ketiga dalam perkembangan sejarah Barat iaitu Western III pada tahun 1475-1875. Ini diikuti pula dengan tahap keempat sejarah Barat iaitu Western IV pada tahun 1875 hinggalah ke hari ini.<sup>37</sup>

Dalam kajian agama juga turut berlaku perselisihan pandangan antara sarjana dalam menentukan definisi moden ini. Meskipun begitu, perselisihan ini tidaklah terlalu mendasar sehingga membezakan pandangan mereka dalam menentukan ciri-ciri dan bentuk-bentuk asasi bagi sebuah kajian moden agama. Dalam memahami definisi moden, secara etimologinya perkara ini dapat dirujuk kepada keterangan Profesor Black seperti berikut:

“Modernization” as a general term describing the process of rapid change in human affairs since the scientific revolution is of comparatively recent origin, but “modern” as a term denoting the quality of a contemporary era can be traced to Late Latin usage of the sixth century. First in Latin and later in English and other languages around the world, the word was used to distinguish between contemporary and “ancient” writers and themes, and by seventeenth century, “modernity”, “modernizer” and modernization” were employed in a variety of more or less limited and technical contexts.<sup>38</sup>

Oleh itu, terminologi kajian moden agama menggambarkan satu kerangka kajian yang bersifat antitesis kepada kerangka-kerangka kajian sebelumnya yang teologikal (*theological based*) dan berasaskan ajaran agama (*faith based*). Maka moden di sini merujuk kepada reka bentuk baru bagi kajian agama yang diadaptasi mengikut penerimaan sosial dan perkembangan intelektual masa kini di Barat. Di sini, terdapat beberapa petanda yang perlu diambil kira oleh para pengkaji agama dalam kalangan Muslim untuk mengelakkan daripada terhegemoni dengan corak yang didasarkan oleh bagasi sejarah (*historical*

<sup>33</sup> Sullivan, Richard Eugene; Sherman, Dennis; dan Sullivan. John B. 1994. *A Short History of Western Civilization*. USA: McGraw Hill, Inc. Hal. 339.

<sup>34</sup> C. E. Black merupakan seorang profesor dalam bidang kajian sejarah di Princeton Universiti dan terkenal dengan karyanya yang bertajuk *The Dynamics of Modernization: A Study in Comparative History*.

<sup>35</sup> Black, C.E. 1966. *The Dynamics of Modernization: A Study in Comparative History*. New York: Harper & Row, Publishers. Hal. 5-6.

<sup>36</sup> Beliau adalah Profesor dalam bidang Sejarah Antarabangsa di London School of Economics (LSE) dan University of London. Antara karya utama beliau adalah *A Study of History* iaitu karya 12 jilid berkenaan kajian ketamadunan di seluruh dunia.

<sup>37</sup> Ringkasnya, perkembangan sejarah di Barat disusun seperti dalam kerangka berikut: Western I (Dark Ages) 675-1075, Western II (Middle Ages) 1075-1475, Western III (Modern) 1475-1875, Western IV (Post-Modern) 1875- ? Lihat: Toynbee, Arnold Joseph. 1987. *A Study of History: An Abridgement of Volume I-VI by D.C. Somervell*. New York: Oxford University Press. Hal. 39.


<sup>38</sup> Black, C.E. *The Dynamics of Modernization: A Study in Comparative History*. Hal. 5.



*baggage*) oleh Barat ini. Perbezaan fahaman dan penghayatan ilmu kajian agama yang telah dilalui oleh masyarakat Barat adalah unik untuk mereka dan tidak keseluruhannya wajar diambil oleh inteligensia Muslim dalam ilmu kajian agama.

## METAMORFOSIS KAJIAN AGAMA DI BARAT: TRADISIONAL KE MODEN

Historiografi yang dikemukakan oleh artikel ini adalah berdasarkan periode-periode tahapan perkembangan Tamadun Barat seperti yang telah disusun oleh para sarjana Barat seperti Arnold Joseph Toynbee, Ariel dan Will Durant dan C. E. Black. Periode-periode tahapan perkembangan Tamadun Barat ini jugalah yang telah dijadikan penanda aras bagi tahapan perkembangan ilmu kajian agama di Barat seperti mana yang telah dikemukakan oleh Louis Henry Jordan, Jan De Vries, Mircea Eliade dan Eric J. Sharpe. Periode-periode ini adalah seperti berikut:



Rajah 1 Periode-periode Perkembangan Ilmu Kajian Agama di Barat<sup>39</sup>

### 1. Zaman Greek-Rom (Abad ke-12 SM – 675 Masihi)

Dalam sejarah Barat, Zaman Greek-Rom merujuk kepada periode antikuiti, di mana zaman ini telah memberikan impak yang besar dan memiliki ikatan yang kukuh dengan masyarakat Barat hari ini. Hubungan antara Zaman Greek-Rom dan masyarakat Barat hari ini dapat dikesan dalam beberapa aspek intelektual seperti dalam bidang-bidang berikut iaitu: falsafah, kesusasteraan, pendidikan, kesenian, arkitek, politik dan banyak lagi. Dalam ungkapan yang lebih ringkas: tamadun Barat hari ini adalah dibina daripada inisiatif-inisiatif awal

<sup>39</sup> Rujuk: Sharpe, 1986, 1- 26; Toynbee, 1987, 39; Durant, Will and Ariel. 1961. *The Story of Civilization Part 7: The Age of Reason Begins*. New York: Simon and Schuster; Durant, Will. 1950. *The Story of Civilization Part 4: The Age of Faith*. New York: Simon and Schuster; Durant, Will. 1954. *The Story of Civilization Part 1: Our Oriental Heritage*. New York: Simon and Schuster; and Durant, Will. 1957. *The Story of Civilization Part 6: The Reformation*. New York: Simon and Schuster.

tamadun Greek-Rom (*the present Western civilization is built on the Greco-Roman initiatives*).<sup>40</sup>

Dalam konteks kajian agama, terdapat beberapa karya penting pada zaman awal ini yang dapat disenaraikan untuk menunjukkan corak dan norma awal kajian agama di Barat. Misalnya, karya *Iliad* (1909) dan *Odyssey* (1909) oleh Homer (hidup pada abad ke-8 hingga 7SM), karya *Theogony* oleh Hesiod (hidup pada lebih kurang abad ke-8SM), Euhemerus (hidup pada lebih kurang abad ke-4SM), Epicurus of Samos (341-270SM) and Cicero of Arpinium (106-43SM) telah mengesyorkan kepada masyarakat pada zaman mereka untuk menggunakan kaedah spekulatif dalam memahami agama dan ketuhanan.<sup>41</sup> Pada zaman antikuiti, di samping penggunaan kesusasteraan, para sarjana juga menggunakan pemikiran spekulatif dan persoalan falsafah sebagai kaedah untuk memahami agama kuno Greek dan Rom. Hal ini termasuklah pemahaman mengenai sifat ketuhanan yang politeistik dan disembah oleh masyarakat secara meluas pada zaman ini.

Sebuah kiasan telah dibuat oleh Theagenes antara kuasa tuhan-tuhan dengan sifat kekuatan psikologi dan alam semula jadi. Sementara Euhemerism pula berpegang kepada idea bahawa kekuasaan tuhan-tuhan Olympian adalah berpunca daripada sifat masyarakat yang mempertuhankan tokoh-tokoh dan kejadian-kejadian yang bersejarah. Manakala Epicurus pula adalah sangat berbeza kerana sangat skeptikal dalam membincangkan persoalan ketuhanan, di mana pandangannya mengenai ketuhanan adalah senada dengan teori asal agama Freud iaitu agama sebagai ilusi kebudak-budakan. Agama dalam konteks Euhemerism dan Freudian ini dianggap sebagai penyakit jiwa dan berasal daripada ketakutan kepada tuhan dan hari akhirat.<sup>42</sup> Cicero pula dalam perbincangan mengenai ketuhanan telah menulis dua karya besar yang bertajuk: *De Natura Deorum* (mengenai sifat-sifat tuhan) dan *De Divinatione* (mengenai ramalan).<sup>43</sup>

Satu fakta penting mengenai kemunculan falsafah antagonistik pada zaman Greek-Rom ialah permulaannya berkait rapat dengan kemunculan para ahli falsafah sofis (Sophists). Para ahli falsafah sofis ini memfokuskan pemikiran mereka berkenaan kedudukan manusia dalam alam semesta ini dan perbincangan falsafah mereka sangatlah humanis. Kebanyakan para ahli falsafah sofis ini menyerang pemikiran keagamaan Greek berkenaan ketuhanan dan peranan manusia dalam agama kuno Greek-Rom. Seperti mana yang telah diungkapkan oleh Walter Terence Stace (1889-1967): "The attack was begun by Xenophanes; Heraclitus carried it on; and lastly Democritus had attempted to explain belief in the gods as being caused by fear of gigantic terrestrial and

<sup>40</sup> Livingstone, R.W. (ed.) 1921. *The Legacy of Greece*. Oxford: Oxford University Press; Finley, M.I. (ed.). 1988. *The Legacy of Greece*. Oxford: Oxford University Press and Stearns, Peter N. 2003. *Western civilization in world history*. New York and London: Routledge. Hal. 38 - 44

<sup>41</sup> Adam, James. 1908. *The Religious Teachers of Greece*. Aberdeen: University of Aberdeen and Roman, Luke. 2010. *Encyclopedia of Greek and Roman Mythology*. New York: Facts on File Inc; dan Finley, M.I. (ed.). 1988. *The Legacy of Greece*. Oxford: Oxford University Press and Stearns. Hal. 66-93.

<sup>42</sup> Vries, 1967, 9.

<sup>43</sup> Sharpe, 1986, Hal. 5.

astronomical phenomena. No educated man any longer believed in divination, auguries, and miracles.” Tindakan-tindakan ini telah mempengaruhi generasi seterusnya dalam kalangan pemikir Barat di mana mereka merujuk kepada idea-idea awal para ahli falsafah sofis ini dalam aplikasi mereka kepada kajian moden agama.<sup>44</sup>

## 2. Zaman Pertengahan (675 – 1475 Masihi)

Dalam disiplin ilmu sejarah, zaman pertengahan turut dikenali sebagai zaman kegelapan (*Dark Ages* or *Medieval period*). Namun begitu, gelaran zaman kegelapan ini jarang-jarang digunakan oleh para sejarawan Barat oleh sebab implikasi negatif yang dibawa oleh gelaran ini ke atas persepsi terhadap Tamadun Barat. Secara ringkasnya, gelaran zaman kegelapan ini merujuk kepada sikap barbarisme masyarakat Barat, suka berperang, kemunduran intelektual dan hilangnya akhlak mulia pada zaman ini.

The term Middle Ages was invented by people during the Renaissance, a period of cultural and literary change in the 14th, 15th, and 16th centuries. The term was not meant as a compliment. During the Renaissance, people thought that their own age and the time of ancient Greece and Rome were advanced and civilized. They called the period between themselves and the ancient world “the Middle Age.” The adjective medieval comes from the Latin words for this term, medium (middle) and aevum (age). Historians adopted this term even though it was originally meant to belittle the period. Since the Middle Ages covers such a large span of time, historians divided it into three parts: the Early Middle Ages, lasting from about 350 to about 1050; the High Middle Ages, lasting from about 1050 to about 1300; and the Late Middle Ages, lasting from about 1300 to about 1450. Historians used to believe that most of the cultural, economic, and political achievements of the Middle Ages occurred in the second period, and because of this they called that period “High.” Only recently, as the accomplishments of the Early and Late Middle Ages have gained appreciation, has this term fallen into disuse. Today, historians often use a more neutral name, the Central Middle Ages.<sup>45</sup>

Meskipun dicirikan dengan sifat barbarisme ini, zaman pertengahan juga merupakan petunjuk awal kepada pencapaian tamadun Barat hari ini dalam bidang kajian agama. Dalam konteks ini, contoh-contoh boleh dirujuk kepada sumbangan Saint Augustine of Hippo (354-430), yang merupakan salah seorang paderi Latin dan tokoh besar agama Barat dalam Gereja Roman Katolik.<sup>46</sup> Karya-karya beliau seperti *Confessions* dan *City of God* adalah bukti kepada hujahan ini. Karya-karya Augustine telah dirujuk dan mempengaruhi ramai pemikir Kristian termasuklah ketua-ketua Reformasi agama Barat

<sup>44</sup> Stace, Walter Terence. 1920. *A Critical History of Greek Philosophy*. London: Macmillan and Co. Hal. 106 – 126.

<sup>45</sup> Rosenwein, Barbara H. *Microsoft Encarta Encyclopedia 2003*. (CD-Rom). “Middle Ages.”

<sup>46</sup> Bonner, Gerald. 2002. *St Augustine of Hippo: Life and Controversies*. Norwich: Canterbury Press. Hal. 36-41.

seperti Martin Luther (1483-1546) dan John Calvin (1509-1564),<sup>47</sup> serta para pelopor Zaman Pencerahan seperti Rene Descartes, Leibniz dan John Stuart Mill.<sup>48</sup>

Namun begitu, terdapat seorang lagi tokoh besar Kristian yang juga sangat prolific iaitu Saint Thomas Aquinas (1225-1274). Thomas Aquinas telah diiktiraf oleh autoriti Kristian sebagai ahli teologi yang terhebat, pembela ajaran gereja dan juga pengasas pemikiran skolastisisme (*Scholasticism*). Skolastisisme adalah pemikiran falsafah yang paling dominan di rantau Kristian Barat daripada kurun ke-9 sehinggalah ke-17 Masihi. Falsafah skolastisisme menggabungkan dogma keagamaan dengan tradisi mistik dan intuisi dalam falsafah patristik (*patristic*), terutamanya daripada Saint Augustine dan para pengikut Aristotelianisme.<sup>49</sup>

Melalui usaha Aquinas yang menggabungkan pemikiran falsafah (terutamanya falsafah Aristotelian) dan wahyu agama (terutamanya teologi Augustinian), ramai pemikir pada zaman-zaman berikutnya telah mengikuti kaedah yang sama ini. Secara ringkas, idea Aquinas untuk menggabungkan akal dan kepercayaan (*reason and faith*) dalam membuktikan dan merasionalkan kebanyakan aspek-aspek agama seperti kewujudan tuhan, merupakan antara penemuan yang paling penting dalam kajian agama pada zaman pertengahan ini.<sup>50</sup>

### 3. Zaman Reformasi (1500 – 1599 Masihi)

Sesuai dengan label zaman ini, yakni reformasi, yang menunjukkan perubahan corak dan norma keagamaan di Barat secara langsung. Zaman ini juga menonjolkan perubahan yang sangat ketara ke atas kaedah-kaedah dalam kajian agama. Reformasi keagamaan pada kurun ke-16 Masihi di Barat, dalam pandangan Alister E. McGrath, boleh dirujuk kepada empat aliran utama iaitu: Lutheranisme atau Reformasi Protestan; *the Reformed Church*; Anabaptism atau Reformasi Radikal; dan Reformasi Katolik atau Reformasi balas (*Counter Reformation*). Namun begitu, secara popularnya Reformasi dinisbahkan kepada Lutheranisme atau Reformasi Protestan.<sup>51</sup> Sekiranya diteliti dan dibandingkan dengan periode-periode yang sebelum dan selepas zaman ini, label reformasi keagamaan yang digunakan pada zaman ini, sudah cukup untuk mengungkapkan betapa mendalam dan kuatnya perubahan-perubahan yang berlaku dengan pemikiran keagamaan pada zaman ini. Zaman reformasi, secara umumnya, menandakan perubahan yang sangat besar ke atas senario

<sup>47</sup> Hsia, R. Po-Chia. (ed.). 2007. *The Cambridge History of Christianity Volume 6 Reform and Expansion 1500–1660*. Cambridge: Cambridge University Press.

<sup>48</sup> Stump, Eleonore and Kretzmann, Norman. (eds.). 2001. *The Cambridge Companion to Augustine*. Cambridge: Cambridge University Press. Hal. 267 – 279.

<sup>49</sup> Kennedy, D.J. 1919. *St. Thomas Aquinas and Medieval Philosophy*. New York: The Encyclopedia Press Inc.; Hood, John Y.B. 2002. *The Essential Aquinas: Writings on Philosophy, Religion, and Society*. Westport: Praeger Publishers. Hal. IX – XIV.

<sup>50</sup> Wicksteed, Philip H. 1926. *The Reactions Between Dogma and Philosophy Illustrated from the Works of S. Thomas Aquinas*. London: Constable & Company Ltd.

Hal. 1–65, Lindberg, David C. 1995. *Medieval Science and Its Religious Context. Osiris*. 10 (2): 60 – 79; and Kerr, Gaven. 2015. *Aquinas's Way to God: The Proof in De Ente et Essentia*. Oxford: Oxford University Press.

<sup>51</sup> McGrath, Alister E. 1988. *Reformation Thought: An Introduction*. New York: Basil Blackwell. Hal. 1–18.

pemikiran keagamaan di Barat, di mana satu demi satu kritikan dibuat bukan sahaja ke atas tradisi keagamaan, malah ke atas ilmu kajian agama.<sup>52</sup>

Kebanyakan sarjana, termasuklah para ahli sejarah telah berselisih pandangan mengenai penyebab-penyebab utama kepada reformasi keagamaan yang berlaku di Barat. Ketika para sarjana Katolik menuduh para pendukung Protestan sebagai penyebab utama kepada reformasi yang berlaku, sebaliknya juga, para sarjana Protestan pula menuduh para pendukung Katolik atas kesalahan-kesalahan agama yang telah dilakukan ketika periode ini. Tambah menarik, terdapat juga beberapa pakar sejarah pada kurun ke-20 Masihi yang mengaitkan punca reformasi keagamaan di Barat ini dengan faktor-faktor bukan agama seperti politik, ekonomi, sosial dan banyak lagi. Meskipun terdapat banyak teori mengenai punca utama reformasi keagamaan ini berlaku, namun begitu, apa yang penting untuk difahami adalah perubahan pemikiran berskala besar oleh masyarakat Barat ketika periode ini berjalan. Hasilnya, pertembungan antara Katolisisme dan Protestantisme telah membawa satu periode transisi yang mempercepatkan kemunculan zaman moden dan juga kajian moden agama.

Dalam mentafsirkan perkaitan antara reformasi keagamaan dan lahirnya masyarakat saintifik, Sir William Cecil Dampier, menjelaskan seperti berikut:

The development and meaning of the Reformation are subjects too complex to be lightly summarized, yet a history of scientific thought must take into account the effects of such an upheaval...and the disintegration of Christendom which the Reformation produced, sad though it was from many other points of view, did in the end help directly to secure liberty of thought.<sup>53</sup>

Secara keseluruhan, zaman reformasi ini memainkan peranan yang kritikal di mana pelbagai sains yang baharu mula diterima dan dikembangkan dalam iklim Protestantisme, berbanding Katolisisme (dan reformasi balas) yang lebih banyak 'bermusuhan' dengan penemuan-penemuan baharu.<sup>54</sup> Ramai sejarawan yang bersetuju bahawa pandangan saintifik terawal pada era ini telah dimulakan Nicolaus Copernicus (1473-1543). Copernicus telah menulis sebuah karya rujukan yang bertajuk *On the Revolution of the Celestial Spheres* pada tahun 1533, di mana beliau membuat dakwaan alam semesta yang heliosentrik (*heliocentric*) dan bertentangan dengan pandangan kosmologi gereja yang mengajarkan alam semesta yang geosentrik (*geocentric*) seperti mana dalam tafsiran mereka daripada Bible, karya-karya Ptolemy dan Aristotle.<sup>55</sup>

<sup>52</sup> Klassen, Peter James. 1979. *Europe in the Reformation*. New Jersey: Prentice-Hall Inc. and McGrath, Alister E. 1988. *Reformation Thought: An Introduction*. New York: Basil Blackwell.

<sup>53</sup> Dampier, 1989, 108–109.

<sup>54</sup> Sullivan, Richard Eugene; Sherman, Dennis; and Sullivan, John B. 1994. *A Short History of Western Civilization*. Detroit: McGraw-Hill Inc. Hal. 458.

<sup>55</sup> Blumenberg, Hans. 1987. *The Genesis of the Copernican World*. Cambridge and London: The MIT Press and Hess, Peter M.J. 2005. Copernicus, Nicolaus. In Jones, Lindsay. (ed.). *Encyclopedia of Religion Second Edition*. Vol. 3. 1976 – 1979. Detroit: Thomson Gale. Hal. 1976–1979.

Berikutan daripada itu, perubahan yang berlaku kepada kosmologi gereja turut telah mengubah corak pemikiran masyarakat Barat secara meluas. Kebanyakan pemikir, intelektual dan sarjana telah menekankan kepentingan mengkaji manusia dan alam yang dapat dicerap (*the sensible world*), berbanding kajian mengenai perkara-perkara yang ghaib seperti alam ketuhanan dan roh. Namun begitu, adalah penting untuk dijelaskan di sini bahawa meskipun revolusi saintifik telah pun bermula pada zaman ini, namun impaknya masih minimum pada kurun ke-17 ini. Hanya pada permulaan Zaman Pencerahan, ilmu-ilmu sains mula berkembang dengan pesat, ketika mana masyarakat telah mula menyedari potensi daripada ilmu sains tabii dan cabang-cabangnya. Perkembangan ini turut dirancarkan lagi dengan sokongan moral dan material yang besar daripada para pemerintah dan golongan elit di Barat dalam memberikan dana ke atas pelbagai kajian dan penerbitan para saintis serta ahli falsafah sains.

#### **4. Zaman Pencerahan (1600 – 1874 Masihi)**

Selepas daripada suatu siri pasang surut intelektual yang panjang di Barat, muncullah Zaman Pencerahan pada kurun ke-17 Masihi. Seperti mana yang telah dinyatakan berkenaan historiografi kajian agama untuk artikel ini, keseluruhan tahap perkembangan tamadun Barat adalah amat penting untuk diteliti. Hal ini termasuklah penelitian secara selektif ke atas beberapa falsafah dan manuskrip kajian agama pada Zaman Greek-Rom; penubuhan pelbagai universiti dan akademi penyelidikan pada Zaman Pertengahan; dan diikuti dengan 'perdebatan' agama pada Zaman Reformasi. Dalam erti kata yang lain, Zaman Pencerahan merupakan natijah kepada segala dinamisme yang berlangsung dalam pemikiran keagamaan di Barat, yang turut menjadi pencetus kepada paradigma intelektual baharu dalam menanggapi persoalan agama.

Hakikatnya, periode Pencerahan ini telah memberikan 'nafas' baharu kepada wacana ilmiah Tamadun Barat dalam melahirkan para sarjana dan ilmuwan yang baharu. Segala karya dan penemuan yang diusahakan telah berjaya mengeluarkan masyarakat Barat daripada sifat barbarisme Zaman Kegelapan kepada zaman baharu yang dicerahkan dengan akal, sains dan penghormatan 'humanis' ke atas kemanusiaan. Oleh itu, Zaman Pencerahan juga dikenali sebagai Zaman Akal (*Age of Reason*), di mana seseorang itu meletakkan kepercayaannya kepada akal dan pembuktian-pembuktian saintifik. Dalam periode yang spesifik inilah, ramai pemikir telah memperkenalkan dan mempromosikan kajian-kajian dan penemuan-penemuan saintifik. Pemikir-pemikir ini terdiri daripada kalangan ahli falsafah dan sains yang turut menyumbang kepada perkembangan ilmu kajian agama.

Dalam program revolusi pemikiran yang berlangsung sepanjang Zaman Pencerahan ini, sebuah kepercayaan baharu turut diperkenalkan yang digelar Deisme (*Deism*). Deisme adalah sebuah kepercayaan yang menyandarkan aspek-aspek agama kepada konsep semula jadi (*natural*) dan boleh difahami oleh logik (*rational*). Oleh itu, kepercayaan ini menentang aspek-aspek *supernatural* dan yang tidak dapat difahami oleh logik akal seperti dalam agama Kristian dan Yahudi di Barat. Kalimah '*Deism*,' adalah berasal

daripada perkataan Latin ‘*Deus*,’ yang bermaksud tuhan. Kalimah ini digunakan untuk menggambarkan pandangan beberapa pemikir deisme yang menolak ajaran yang diajarkan oleh agama, namun masih menetapkan tuhan sebagai pencipta segala kewujudan di alam semesta. Dalam perkataan yang lain, kepercayaan yang baharu ini mendakwa hanya agama yang rasional yang seharusnya menjadi anutan masyarakat, di mana sifat rasional ini adalah didukung oleh pembuktian melalui metode saintifik dan bukannya menerusi wahyu atau dogma.<sup>56</sup>

Periode Pencerahan ini sangat dikenali dengan kepercayaan kepada kuasa akal dan keimanan bahawa hanya akal manusia sahaja yang mampu membuat perubahan untuk kemajuan seluruh umat manusia. Antara tokoh-tokoh besar dalam falsafah Deisme ini adalah seperti: Charles de Montesquieu (1689-1755), Voltaire (1694-1778) dan Denis Diderot (1713-1784) di Perancis; Immanuel Kant (1724-1804) di Jerman; John Locke (1632-1704) dan David Hume (1711-1776) di England; dan Benjamin Franklin (1706-1790) serta Thomas Jefferson (1743-1826) di koloni Amerika.<sup>57</sup>

Penggunaan akal spekulatif dalam persoalan agama, sangat jelas, dapat dikesan dalam buah fikiran serta karya-karya tokoh falsafah deisme seperti yang telah dinyatakan tadi. Untuk menggambarkan penggunaan akal spekulatif ini, rujukan dapat dibuat ke atas karya David Hume, di mana beliau memperkenalkan evolusi sesebuah agama (*theism*) daripada politeisme (kepercayaan kepada banyak tuhan atau *polytheism*) dan berakar mula daripada kepercayaan antropomorfisme (*anthropomorphism or human apotheosizing or deifying*).<sup>58</sup> Seperti mana yang Hume nyatakan pada tajuk karyanya: *Natural History of Religion*, penemuan radikal yang diperkenalkannya ini telah ‘menggoda’ ramai ahli antropologi untuk menggunakan kaedah yang sama dalam mendefinisikan asal-usul (*genesis*) sesebuah agama atau agama-agama.

Perkara yang sama juga telah ditunjukkan oleh Immanuel Kant, yang telah mencetuskan moto Zaman Pencerahan: “*Have courage to make use of your own intellect*” (Milikilah keberanian untuk menggunakan intelek anda).<sup>59</sup> Oleh itu, dalam karya klasik dan deistiknya: *Religion within the Limits of Reason Alone*, Kant mempersembahkan perbahasan mengenai agama dalam mode saintifik dan rasional. Kant sangat yakin bahawa karyanya ini adalah sebuah hasil fikiran dalam bidang falsafah agama (*philosophy of religion*), di mana Kant mengutarakan pelbagai isu yang kritikal berkenaan etika moral dalam agama daripada sudut pemikiran rasional. Dalam penelitian Kant, perbahasan mengenai isu etika moral agama memerlukan seseorang untuk meneroka ilmu sains tingkah laku atau psikologi (*behavioural science of man*), yang telah

<sup>56</sup> Byrne, James M. 1997. *Religion and the Enlightenment: from Descartes to Kant*. Kentucky: Westminster John Knox Press. Hal. 99 – 123.

<sup>57</sup> Schmidt, James. 2006. Enlightenment. In Borchert, Donald M. (ed.). *Encyclopedia of Philosophy, Second Edition*. Detroit: Thomson Gale. Vol. 3. 242 – 247.

<sup>58</sup> Hume, David. 1992. Natural History of Religion. *David Hume: Writings on Religion*. Antony Flew (ed.). Illinois: Open Court. Hal. 107 – 182.

<sup>59</sup> Green, Theodore M. 1960. The Historical Context and Religious Significance of Kant’s Religion. In Kant, Immanuel. *Religion within the Limits of Reason Alone*. New York: Harper & Brothers. Hal. xxxii.

menggabung jalin elemen-elemen takwa (*piety*) dalam agama dengan penjelasan deistik yang sangat rasional.<sup>60</sup>

Jelasnya, kedua-dua buah karya yang telah dinyatakan sebelum ini adalah produk Zaman Pencerahan yang sehingga ke hari ini masih dirujuk oleh para pelajar dan pengkaji falsafah agama. Melalui argumentasi saintifik, taakulan logik, pemikiran spekulatif, dan kaedah analogi; kajian agama pada periode ini telah membuka lorong baharu yang berdimensi keduniaan (*worldly*) dan kemanusiaan (*humanist*), berbanding fokus kajian agama terdahulu yang bernuansa keakhiratan dan ketuhanan.<sup>61</sup> Seperti mana yang pernah dijelaskan oleh Mircea Eliade, tokoh besar ilmu perbandingan agama dari *Chicago School of Religious Studies*, permulaan ilmu perbandingan agama pada awal kurun ke-19 telah terperangkap dalam agenda dunia Barat yang menekankan nilai positivisme dan materialisme.<sup>62</sup>

### 5. Zaman Moden (1875 – ke hari ini)

Selepas Zaman Pencerahan, bermulalah zaman saintifik dan telah menarik minat ramai sarjana Barat. Dunia Barat pada kurun ke-19 telah diwarnai dengan pelbagai penemuan saintifik yang baharu menerusi banyak kajian dan penelitian saintifik. Terdapat pelbagai universiti, akademi dan institusi sains yang telah dibina dan disokong untuk tujuan ini. Dalam karya Francis Bacon bertajuk *Advancement of Learning*, Bacon membayangkan penggunaan akal dalam kajian agama seperti berikut: “*Yet the use of human reason in spiritual things is various, and very extensive: for religion is justly called a reasonable service... The use of human reason in matters of religion is of two kinds; the one consisting in the explanation of mysteries, the other in the deductions from them.*”<sup>63</sup> Oleh itu, ilmu sains dan logik dapat membantu kajian agama dalam pelbagai perkara, terutamanya dalam pertentangan pendapat oleh para agamawan dalam zaman-zaman sebelumnya. Sains dalam kajian agama adalah sebuah kajian sistematik yang meneliti dan mencermati objek-objek kajian menerusi implementasi kaedah-kaedah seperti pemerhatian secara objektif, taakulan deduksi dan induksi, serta melalui eksperimen. Oleh itu, sains di sini dilihat dapat memberikan lebih banyak manfaat dalam kajian agama, berbanding kajian agama yang dijalankan secara mandiri tanpa sains.

Dalam masa yang sama, pertentangan antara sains dan agama masih lagi terus berlaku. Lama-kelamaan, muncul pula gerakan ateisme saintifik (*scientific atheism*), yang telah didukung oleh ramai ahli falsafah dan saintis di universiti-universiti tersohor di dunia. Sebagai contoh, Bertrand Russell (1872-1970), seorang warga British yang merupakan ahli falsafah, Nobel Laureate dan penganut fahaman ateis telah mengemukakan beberapa pandangan mengenai agama. Pandangan ateisme saintifik oleh Russell dapat dirujuk pada karya-karya beliau berikut, seperti: *Why I am Not a Christian?*,

<sup>60</sup> Ibid., 1 – 190.

<sup>61</sup> Harrison, Peter. 2002. *Religion and the 'Religions' in the English Enlightenment*. Cambridge: Cambridge University Press.

<sup>62</sup> Eliade, Mircea. 1971. *The Quest: History and Meaning in Religion*. Chicago and London: The University of Chicago Press. Hal. 40.

<sup>63</sup> Bacon, Francis. 1899. *Advancement of Learning and Novum Organum*. New York: The Colonial Press. Hal. 299.



*Science and Religion* (2002); dan juga *Can Religion Cure Our Troubles* (2005).

Oleh itu, hubungan yang semakin ‘menjauh’ antara sains dan agama di Barat telah disabotaj secara berterusan oleh ramai ahli sains moden yang ateis. Menurut Waters: “*the problems of relations between science and religion is essentially problem in knowledge. It has to do with the validity of specific articles of belief of particular religions, in the light of specific scientific findings.*”<sup>64</sup> Tambahan pula, kehadiran pelbagai ideologi baharu seperti Marxisme, Naturalisme, *Scientific Realism* dan Positivisme telah memburukkan lagi keadaan ini. Dalam keadaan-keadaan tertentu, dialog antara wakil daripada kedua-dua pihak iaitu sains dan agama diperlukan untuk membincangkan permasalahan ini dan mencari titik pertemuan supaya dapat saling bekerjasama dalam permasalahan-permasalahan tertentu.<sup>65</sup>

Kesimpulannya, menerusi sejarah panjang Tamadun Barat, kajian moden agama telah muncul dan berjaya menempatkan ‘dirinya’ dengan kukuh di beberapa institusi dan universiti moden di seluruh Barat. Oleh hal yang demikian, dalam sebuah *ultima ratio* oleh William Cecil Dampier, beliau menyatakan:

In spite of ignorance, folly and passion, the scientific method has won field after field since the days of Galileo. From mechanics it passed to physics, from physics to biology, from biology to psychology, where it is slowly adapting itself to unfamiliar ground. There seems no limit to research, for, as has been well and truly said, the more the sphere of knowledge grows, the larger becomes the surface of contact with the unknown.<sup>66</sup>

## KESIMPULAN

Sebagai sebuah kajian agama yang terlahir daripada hasil inkubator Barat, kajian moden agama telah didukung secara meluas dalam banyak universiti dan institusi kajian di Barat. Malah kajian moden agama ini turut dibantu dengan ilmu alat yang lainnya seperti psikologi, falsafah, antropologi, sosiologi, sejarah, pendekatan feminis, filologi dan juga pasca moden.

Di Barat, penggunaan akal dan metodologi saintifik dalam kajian moden agama sangat ditekankan, memandangkan amalan inilah yang sangat diangkat dan diraikan dalam masyarakat semasa. Meskipun pendekatan rasional dapat dikesan sebelum zaman Pencerahan, tapi kemuncak kepada bentuk ini hanya

<sup>64</sup> Waters, F.W. 1967. *The Way In and the Way Out: Science and Religion Reconciled*. Toronto: Oxford University Press. Hal. 13-15.

<sup>65</sup> Shepherd, William C. 1972. Religion and the Social Sciences: Conflict or Reconciliation? *Journal for the Scientific Study of Religion*. 11 (3): 230-239; Einstein, Albert. 2006. “Religion and Science: Irreconcilable?” In Baker, James T. (ed.). *Religion in America: Primary Sources in US History Series*. Canada: Thomson-Wadsworth, Vol. 2, 367-369; Clayton, Philip. (ed.). 2008. *The Oxford Handbook of Religion and Science*. Oxford: Oxford University Press; and Dixon, Thomas. 2008. *Science and Religion: A Very Short Introduction*. Oxford: Oxford University Press.

<sup>66</sup> Dampier, 1989, Hal. 500.

dapat dikesan secara meluas pada tahun-tahun selepas kurun ke-18. Ini menandakan bermulanya satu era baru dalam kajian agama, kewujudan satu tren baru yang perlu dipertimbangkan secara teliti oleh pengkaji-pengkaji agama semuanya.

Dalam artikel ini, telah dijelaskan beberapa petanda yang perlu diambil kira oleh para pengkaji agama dalam kalangan Muslim untuk mengelakkan diri mereka daripada terhegemoni dengan corak yang didasarkan oleh bagasi sejarah (*historical baggage*) oleh Barat ini. Perbezaan fahaman dan penghayatan ilmu kajian agama yang telah dilalui oleh masyarakat Barat adalah unik untuk mereka dan tidak keseluruhannya wajar diteladani dan diikuti oleh inteligensia Muslim dalam ilmu kajian agama kerana wahyu mengajarkan integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Seperti mana yang pernah diungkapkan oleh George Santayana (1863-1952): “*Those who cannot remember the past are condemned to repeat it.*”

### RUJUKAN

- Adam, James. (1908). *The Religious Teachers of Greece*. Aberdeen: University of Aberdeen.
- Al-Rāziyy, Fakhr al-Dīn. (2001). *al-Tafsīr Al-Kabīr*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-ʿArabī.
- Al-Sāmūk, Saʿdūn Maḥmūd. (2006). *al-Muʿtaqadāt Wa al-Adyān Wifqa Manhaj al-Qurʿān*. Amman: Dār Wāʿil li al-Nashr.
- Al-Sanūsīyy, Muḥammad Yūsuf dan al-Laḡānīyy, Ibrahim. (1934). *Matan al-Sanūsīyyah Wa Yalīhi Jawharah al-Tawḥīd*. Kaherah: Maṭbaʿah Muṣṭafā al-Bābīyy al-Ḥalabīyy Wa Awlāduhu.
- Al-Suyūṭīyy, Jalāl al-Dīn. (2008). *al-Itqān Fī ʿUlūm al-Qurʿān*. Damsyik: Muʿassasah al-Risālah.
- Bacon, Francis. (1899). *Advancement of Learning and Novum Organum*. New York: The Colonial Press.
- Black, C.E. (1966). *The Dynamics of Modernization: A Study in Comparative History*. New York: Harper & Row, Publishers.
- Blumenberg, Hans. (1987). *The Genesis of the Copernican World*. Cambridge and London: The MIT Press
- Bonner, Gerald. (2002). *St Augustine of Hippo: Life and Controversies*. Norwich: Canterbury Press.
- Byrne, James M. (1997). *Religion and the Enlightenment: from Descartes to Kant*. Kentucky: Westminster John Knox Press.
- Clayton, Philip. (ed.). (2008). *The Oxford Handbook of Religion and Science*. Oxford: Oxford University Press.
- Cropper, William H. (2001). *Great Physicists*. Oxford: Oxford University Press.
- Dampier, William Cecil. (1989). *A History of Science and its Relations with Philosophy and Religion*. New York: Cambridge University Press.
- Dixon, Thomas. (2008). *Science and Religion: A Very Short Introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- Durant, Will and Ariel. (1961). *The Story of Civilization Part 7: The Age of Reason Begins*. New York: Simon and Schuster.

- Durant, Will. (1950). *The Story of Civilization Part 4: The Age of Faith*. New York: Simon and Schuster.
- Durant, Will. (1954). *The Story of Civilization Part 1: Our Oriental Heritage*. New York: Simon and Schuster.
- Durant, Will. (1957). *The Story of Civilization Part 6: The Reformation*. New York: Simon and Schuster.
- Einstein, Albert. (2006). "Religion and Science: Irreconcilable?" In Baker, James T. (ed.). *Religion in America: Primary Sources in US History Series*. Canada: Thomson-Wadsworth, Vol. 2, 367-369.
- Eliade, Mircea. (1971). *The Quest: History and Meaning in Religion*. Chicago and London: The University of Chicago Press.
- Eliade, Mircea. (1987). *The Sacred and the Profane: The Nature of Religion*. Florida: Harcourt, Inc.
- Finley, M.I. (ed.). (1988). *The Legacy of Greece*. Oxford: Oxford University Press
- Geertz, Clifford. (1968). *Islam Observed: Religious Development in Morocco and Indonesia*. Chicago & London: The University Of Chicago Press.
- Grassie, William. (2010). *The New Sciences of Religion: Exploring Spirituality from the Outside In and Bottom Up*. New York: Palgrave Macmillan.
- Green, Theodore M. (1960). The Historical Context and Religious Significance of Kant's Religion. In Kant, Immanuel. *Religion within the Limits of Reason Alone*. New York: Harper & Brothers.
- Harrison, Peter. (2002). *Religion and the 'Religions' in the English Enlightenment*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hess, Peter M.J. (2005). Copernicus, Nicolaus. In Jones, Lindsay. (ed.). *Encyclopedia of Religion Second Edition*. Vol. 3. 1976 – 1979. Detroit: Thomson Gale. Hal. 1976–1979.
- Hinnels, John R. (2005). "Introduction." *Routledge Companion to the Study of Religion*. Hinnels, John R. (Ed.). London and New York: Routledge.
- Hsia, R. Po-Chia. (ed.). (2007). *The Cambridge History of Christianity Volume 6 Reform and Expansion 1500–1660*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hood, John Y.B. (2002). *The Essential Aquinas: Writings on Philosophy, Religion, and Society*. Westport: Praeger Publishers. Hal. IX – XIV.
- Hume, David. (1992). Natural History of Religion. *David Hume: Writings on Religion*. Antony Flew (ed.). Illinois: Open Court.
- Ibn Khaldun. (2002). *Mukadimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrāhīm Muḥammad Ibrāhīm. 1984. *al-Adyān al-Waḍ'īyyah Fī Maṣādirihā al-Muqaddasah Wa Mawqif al-Islām Minhā*. Shubrā: Maṭba'ah al-Amānah.
- Jardine, Lisa. (2000). Introduction. *The New Organon*. Bacon, Francis. Cambridge: Cambridge University Press. Hal. vii-xxviii.
- Jordan, Louis Henry. (1986). *Comparative Religion: Its Genesis and Growth*. Atlanta: Scholars Press.
- Kennedy, D.J. (1919). *St. Thomas Aquinas and Medieval Philosophy*. New York: The Encyclopedia Press Inc.
- Kerr, Gaven. (2015). *Aquinas's Way to God: The Proof in De Ente et Essentia*. Oxford: Oxford University Press.
- Kippenberg, Hans G. (2002). *Discovering Religious History in the Modern Age*. Barbara Harshaw (Terj.). Princeton and Oxford: Princeton University Press.

- Klassen, Peter James. (1979). *Europe in the Reformation*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Lindberg, David C. (1995). Medieval Science and Its Religious Context. *Osiris*. 10 (2): 60 – 79.
- Livingstone, R.W. (ed.). (1921). *The Legacy of Greece*. Oxford: Oxford University Press.
- McGrath, Alister E. (1988). *Reformation Thought: An Introduction*. New York: Basil Blackwell. 1–18.
- Muassasah Āl al-Bayt al-Malikiyyah Li al-Fikr al-Islāmiyy. (2013). *Thamāniyah Mutūn Fi al-ʿAqīdah Wa al-Tawhīd*. Amman: Muassasah Āl al-Bayt al-Malikiyyah Li al-Fikr al-Islāmiyy.
- Muhsin Mahdi. (2006). *Ibn Khaldun's Philosophy of History: A Study in the Philosophic Foundation of the Science of Culture*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Muller, Friedrich Max. (1882). *Introduction to the Science of Religion*. Oxford: Longmans, Green and Co.
- Muller, Friedrich Max. (2003). "Chips from the German Workshop: Essays on the Science of Religion and Introduction to the Science of Religion." *Theory and Method in the Study of Religion: a Selection of Critical Readings*. Carl Olson (Ed.). Canada: Nelson Thomson Learning.
- Roman, Luke dan Roman, Monica. (2010). *Encyclopedia of Greek and Roman Mythology*. New York: Facts on File Inc.
- Rosenwein, Barbara H. *Microsoft Encarta Encyclopedia*. (2003). (CD-Rom). "Middle Ages."
- Schmidt, James. (2006). Enlightenment. In Borchert, Donald M. (ed.). *Encyclopedia of Philosophy, Second Edition*. Detroit: Thomson Gale. Vol. 3. 242 – 247.
- Sharpe, Eric John. (1986). *Comparative Religion: A History*. Illinois: Open Court.
- Sharpe, Eric J. (2005). The Study of Religion in Historical Perspective. Dalam Hinnells, John R. (ed.). *The Routledge Companion to the Study of Religion*. Oxon: Routledge.
- Shepherd, William C. (1972). Religion and the Social Sciences: Conflict or Reconciliation? *Journal for the Scientific Study of Religion*. 11 (3): 230-239.
- Smart, Ninian. (1987). *Religion and the Western Mind*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Smart, Ninian. (2006). *Encyclopedia Britannica 2006 Ultimate Reference Suite DVD*. (DVD-Rom). "Study of religion."
- Soukhanov, Anna H. et al. (eds.). (1992). *The American Heritage Dictionary of the English Language, Third Edition*. Boston: Houghton Mifflin.
- Stace, Walter Terence. (1920). *A Critical History of Greek Philosophy*. London: Macmillan and Co.
- Stearns, Peter N. (2003). *Western civilization in world history*. New York and London: Routledge.
- Stroumsa, Guy G. (2010). *A New Science: The Discovery of Religion in the Age of Reason*. Cambridge and London: Harvard University Press.
- Stump, Eleonore and Kretzmann, Norman. (eds.). (2001). *The Cambridge Companion to Augustine*. Cambridge: Cambridge University Press. Hal.

- Sullivan, Richard Eugene; Sherman, Dennis; dan Sullivan. John B. (1994). *A Short History of Western Civilization*. USA: McGraw Hill, Inc.
- Tillich, Paul. (1958). *Dynamics of Faith*. New York: Harper & Row.
- Toynbee, Arnold Joseph. (1987). *A Study of History: An Abridgement of Volume I-VI by D.C. Somervell*. New York: Oxford University Press.
- Turberville, A. S. (1920). *Medieval Heresy and the Inquisition*. London: Crosby Lockwood and Son.
- Vries, Jan De. (1967). *The Study of Religion: A Historical Approach*. New York, Chicago, San Francisco and Atlanta: Harcourt, Brace & World, Inc.
- Waardenburg, Jacques. (1999). *Classical Approaches to the Study of Religion: Aims, Methods and Theories of Research (Introduction and Anthology)*. New York & Berlin: Walter de Gruyter.
- Wach, Joachim. (1984). *Ilmu Perbandingan Agama*. Jakarta: CV. Rajawali.
- Waters, F.W. (1967). *The Way In and the Way Out: Science and Religion Reconciled*. Toronto: Oxford University Press.
- Wicksteed, Philip H. (1926). *The Reactions Between Dogma and Philosophy Illustrated from the Works of S. Thomas Aquinas*. London: Constable & Company Ltd.